

29 FEB 2000

LEAD OOCL-MALAYSIA

OOCL MAHU PELABUHAN KLANG MENJADI SALAH SATU PUSAT PENGANGKUTANNYA

PUTRAJAYA, 29 Feb (Bernama) -- Orient Overseas Container Line (OOCL), sebuah syarikat pengangkutan kontena global yang berpangkalan di Hong Kong, berminat untuk menjadikan Pelabuhan Klang sebagai satu daripada pusat pengangkutannya, kata pengarah urusan OOCL (Asia Pacific) Ltd, Jim Poon, hari ini.

"Prasarana Pelabuhan Klang sungguh cantik dan bertaraf dunia. Ia juga terletak di `tengah-tengah pusat'," katanya selepas pertemuan selama 45 minit dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini. Poon telah diiringi oleh Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, dan beberapa orang pegawai OOCL pada pertemuan tersebut.

Sambil memuji lokasi Pelabuhan Klang, beliau berkata, "Ke arah barat (Pelabuhan Klang) ada Timur Tengah dan jauh sedikit selepas itu ada negara Eropah dan Mediterranean."

Selain itu, Pelabuhan Klang telah menjadi pusat yang baik bagi pindah kapal dan prasarana yang sedang dimajukan akan membolehkan laluan ke Thailand, Kemboja dan Myanmar melalui sistem keretapi, kata Poon.

Pada masa ini, OOCL membuat 11 pelayaran keluar masuk Pelabuhan Klang dalam seminggu dan akan mengadakan perkhidmatan tambahan April ini. Perkhidmatan baru ini akan menghubungkan Pelabuhan Klang dan Pulau Pinang dengan Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong serta Timur Tengah dan benua kecil India, tambahnya.

Poon berkata OOCL akan kerap mengkaji operasinya di Malaysia dan dengan dua kapal yang telah diterima serta enam lagi yang akan diterima tahun ini dan tahun depan, OOCL akan menambahkan lagi kegiatannya.

Katanya Malaysia, di bawah Dr Mahathir, telah menghadapi bermacam-macam cabaran dalam dua hingga tiga tahun lalu dan kini sedang memasuki era kemakmuran.

"Malaysia adalah tempat untuk melabur dan meraih keuntungan. Ia merupakan batu loncatan bagi menembusi pasaran-pasaran baru dan rantau-rantau lain," tambah beliau.

"Kami di OOCL sememangnya mempunyai hubungan yang rapat dengan Malaysia dan kami mengkaguminya," tegas beliau.

Seperti juga mana-mana syarikat, OOCL sentiasa mencari peluang pelaburan, katanya sambil menambah iklim pelaburan Malaysia sesuai bagi jenis perniagaan syarikat itu.

Syarikat ini merupakan anak syarikat milik penuh Orient Overseas (International) Ltd, yang disenaraikan di Bursa Saham Hong Kong.

OOCL menawarkan perkhidmatan perkapalan meliputi sepenuhnya koridor perkapalan timur barat, menghubungkan Amerika Utara, Eropah dan Mediterranean, India, Asia Timur dan Asia.

Ia juga menawarkan perkhidmatan paling lengkap bagi dagangan sesama rantau Asia dan perkhidmatannya ke Australia dan New Zealand melengkapkan liputannya di Asia Pasifik.

--BERNAMA

MSL KY MA